

PETRONAS Penapisan Melaka pemangkin pembangunan ekonomi, komuniti Melaka

Liana Sahabudin

SUNGAI UDANG - Malaysia Refining Company Sdn Bhd (MRCSEB) atau lebih dikenali sebagai PETRONAS Penapisan Melaka mahu kehadiran mereka di bumi Hang Tuah ini memberikan manfaat kepada pembangunan ekonomi tempatan, selain membantu meningkatkan kualiti kehidupan orang ramai menerusi polisi mesra komuniti yang diamalkan.

Sejak mula beroperasi pada 1994, MRCSEB tidak hanya memberi tumpuan kepada aktiviti ekonomi dan menjadi antara nadi pembangunan Melaka, sebaliknya aktif dalam melaksanakan program impak sosial dengan mendakai komuniti setempat.

Pengerah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif MRCSEB, Ahmad Farid Yusoff berkata, pihaknya melaksanakan program impak sosial berdasarkan tiga bidang tumpuan PETRONAS iaitu Memacu Kehidupan, Menyemai Masa Hadapan dan Memperkasakan Ilmu dalam memberi keutamaan kepada penduduk sekitar.

"Selain berperanan sebagai loji penapisan minyak yang memproses sebanyak 300,000 tong minyak mentah sehari, MRCSEB juga amat peka dan cakna terhadap kebajikan penduduk sekitar, kami turun padang untuk dekati mereka menerusi pelbagai aktiviti impak sosial yang diatur."

"MRCSEB aktif melaksanakan program impak sosial terutamanya setiap kali menjelang musim-musim perayaan kepada mereka yang memerlukan."

"Antara aktiviti yang kerap dijalankan adalah pro-



AHMAD FARID

gram gotong-royong, yang dilaksanakan dengan kerjasama rakan-kontraktor MRCSEB," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini, baru-baru ini.

Ahmad Farid berkata, MRCSEB secara tidak langsung turut memainkan peranan dalam membantu sektor pelancongan Melaka menerusi aktiviti impak sosial penjagaan alam sekitar berikutan lokasi loji penapisan mereka yang berhampiran lokasi tumpuan ramai.

BUKA PELUANG KERJAYA UNTUK ANAK MELAKA

Selepas hampir tiga dekad beroperasi, MRCSEB sudah banyak memberikan peluang pekerjaan kepada anak jati Negeri Melaka, sekali gus melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Ahmad Farid berkata, sejak ini syarikat berkenaan mempunyai seramai 1,100 kakitangan dengan 28 peratus daripada jumlah itu adalah anak jati Negeri Melaka.

"Seperti yang kami kongsiikan semasa lawatan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoff, ke loji penapisan kami April lalu, kakitangan membitkan



PENGLIBATAN MRCSEB dalam menjayakan program Menyemai Masa Hadapan: Pembersihan Pantai dan Kitar Semula 2023 di Pentas Budaya Pantai Puteri, baru-baru ini.

anak tempatan Melaka lebih kurang 26 peratus sahaja, namun baru-baru ini saya dikumpulkan sudah meningkat kepada 28 peratus."

"Ketua Menteri sendiri berkhongsi yang manasasarankan penglibatan anak-anak Melaka dalam bidang minyak dan gas adalah 20 peratus, ini bermakna kita sudah melebihi sasaran yang ditetapkan Kerajaan Negeri."

"Selain tenaga mahir yang bekerja dengan MRCSEB, kami amat menggalakkan anak Melaka untuk berkhidmat bersama syarikat kontraktor menjalankan penyelenggaraan di loji kami, di sini."

"Penyelenggaraan berkala yang bakal dijalankan selepas ini adalah Turn-around 2024 pada bulan Januari, ia akan melibatkan rakan-rakan kontraktor utama kami dan syarikat-

syarikat subkontraktor di mana purata penglibatan anak Melaka adalah sebanyak 40 peratus," katanya.

MRCSEB TEPATI PIWAIAN JABATAN ALAM SEKITAR

Jelas beliau, MRCSEB juga amat peka dan tidak sekeali mengabaikan alam sekitar, selaras dengan pengoperasian loji mereka yang sentiasa menepati piawai Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Menurutnya, selain loji kilang penapisan direkabentuk dengan susun atur peralatan yang kompleks dan memiliki keupayaan memproses minyak mentah serta menghasilkan produk berkualiti, kemudahan berteknologi tinggi itu juga menepati piawai bahan api bersih.

"Keupayaan ini melatitkan loji MRCSEB berada

di kedudukan yang sangat kompetitif daripada sudut lokasi, susun atur dan kos operasi yang mampu menampung seramai 1,100 kakitangan tersebut."

"Kedudukan loji ini berdekatan dengan Pantai Puteri iaitu kawasan tumpuan pelancongan, makamenjadi tanggungjawab MRCSEB bagi memastikan pembuangan air sisa terawat ataupun 'treated effluent' ke dalam laut tidak mengundang pencemaran alam."

"Tanggungjawab kami dalam menjaga alam sekitar iaitu mengikut ketetapan atau peraturan JAS yang menepati standard piawai daripada segi bahan-bahan yang perlu dirawat sebelum ia dipaparkan ke lautan," katanya.

MELAKA ENERGY PARK

Selari dengan sambutan

Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM2024), MRCSEB akan membawa konsep baharu yang dikenali sebagai Melaka Energy Park (MEP) atau Taman Tenaga Melaka pada tahun hadapan.

Menurut Ahmad Farid, pembaharuan konsep itu bakal dilancarkan setiap bulan Mei tahun hadapan yang menekankan konsep-konsep kelestarian, selari dengan pendakian PETRONAS sebagai rakan kongsi tenaga dan penyelesaian progresif yang mempertingkatkan kualiti kehidupan untuk masa depan yang mampan.

"Konsep MEP atau Taman Tenaga Melaka diwujudkan berdasarkan beberapa aspek seperti susun atur loji yang kompleks, kepelbagaian teknologi serta proses dan peralatan canggih," katanya.



MRCSEB atau lebih dikenali sebagai PETRONAS Penapisan Melaka yang terletak di Sungai Udang.



TURUT cakna dalam memperkasakan ilmu di Negeri Melaka.